

FAQ ASET

SUB KATEGORI: ASET ALIH

- 1) Soalan: Adakah aset alih yang berstatus telah dilupuskan perlu dimasukkan ke dalam senarai aset alih?**
Aset alih yang berstatus “telah dilupuskan” tidak akan dimuat turun ke dalam templat aset alih daripada sistem SPA dan tidak akan dimigrasikan ke dalam 1GFMAS.
- 2) Soalan: Adakah aset yang telah dilupuskan perlu dimasukkan ke dalam senarai aset alih?**
Aset yang telah dilupuskan tidak perlu didaftarkan ke dalam templat aset alih
- 3) Soalan: Adakah Buku-buku di Perpustakaan Negara dan di Jabatan-jabatan lain di ambil kira dalam pelaksanaan perakaunan akruan kerana buat masa ini perpustakaan mendaftarkan buku-buku dalam Sistem Perpustakaan dan tidak mendaftar dalam SPA?**
Berdasarkan polisi perakaunan akruan kos permodalan yang diambil kira adalah aset yang mempunyai kos RM2,000 dan keatas.
- 4) Soalan: Apakah nilai perolehan yang patut digunakan bagi aset alih bagi tujuan pengumpulan data baki awal dan pengiraan susut nilai?**
Nilai baki aset alih adalah berdasarkan nilai perolehan aset tersebut, di mana hanya aset alih bernilai RM2,000 dan ke atas akan dipermodalkan dan diambilkira untuk baki awal. Manakala, pengiraan susut nilai adalah berdasarkan usia guna maksimum sepertimana yang dinyatakan di Klasifikasi dan Usia Guna Aset – Garis Panduan Aset Kerajaan Asas Akruan (tujuan Go Live 2018).
- 5) Soalan: Artifak tidak didaftarkan dalam Sistem Pengurusan Aset (SPA) dan Jabatan hanya menyediakan rekod dalaman secara pentadbiran. Adakah artifak ini di kategorikan sebagai Aset Warisan?**
Aset tersebut boleh direkodkan sebagai Aset Warisan hanya jika ia berdaftar sebagai warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005. Senarai aset warisan boleh disemak di <https://www.heritage.gov.my/v2/>. Bagi aset warisan, jika aset tersebut mampu dinilai melalui kos sejarah, maka aset tersebut boleh direkodkan menggunakan kos tersebut. Jika aset tersebut tidak mempunyai kos sejarah, ia hanya perlu direkodkan sebagai RM1 sahaja.
- 6) Soalan: Bagaimanakah jika kos aset alih di dalam SPA berbeza dengan kos berdasarkan pemecahan kos keseluruhan bangunan?**
Sekiranya keadaan ini berlaku dan maklumat yang diperolehi adalah berdasarkan kontrak atau projek fail, kos aset alih yang direkodkan berdasarkan dokumen sokongan yang diperolehi.
- 7) Soalan: Bagaimanakah untuk merekodkan pejabat dalam kontena yang mempunyai sistem hawa dingin. Adakah dikategorikan sebagai Aset Alih atau Aset Tak Alih?**
Kontena tersebut diklasifikasikan sebagai Aset Alih (Kabin). Aset tersebut patut diklasifikasi sebagai Aset Alih kerana mempunyai fleksibiliti untuk mengubah lokasi aset tersebut walaupun ia jarang dipindahkan.
- 8) Soalan: Bagaimanakah untuk merekodkan pejabat yang dibina atas air seperti rakit. Adakah ianya dikategorikan sebagai Aset Alih atau Aset Tak Alih di dalam template pengumpulan data aset?**
Bangunan atas rakit patut diklasifikasikan sebagai Aset Alih kerana sifatnya yang boleh berubah tempat seperti sebuah kapal walaupun rakit tersebut jarang bergerak.

SUB KATEGORI: ASET TAK ALIH

- 1) **Soalan: Adakah belanja pengubahsuaian bangunan perlu dimodalkan dimana bangunan tersebut tidak dimiliki oleh jabatan tersebut?**

Tidak perlu kerana bangunan tersebut bukanlah milik Jabatan/Agensi/PTJ tersebut. Perlu direkodkan sebagai belanja dalam Penyata Pendapatan Jabatan / Agensi/PTJ tersebut.

- 2) **Soalan: Adakah kos pembinaan cerun sebahagian daripada kos bangunan atau diasingkan?**

Terdapat 3 komponen utama kos sesuatu aset yang boleh dipermodalkan iaitu (i) Harga belian; (ii) Kos berkaitan langsung (Directly attributable cost); dan (iii) Anggaran awal kos menanggal dan memindahkan serta memulihkan tapak.

Sehubungan dengan itu, sekiranya kos pembinaan cerun ini adalah kos berkaitan langsung dengan pembinaan bangunan tersebut dan sekiranya ia tidak dibuat akan menyebabkan bangunan tersebut tidak boleh digunakan seperti kehendak pihak pengurusan, maka ia boleh dipermodalkan sebagai sebahagian daripada kos bangunan.

- 3) **Soalan: Adakah kos untuk merobohkan bangunan lama perlu dimasukkan kedalam kos pembinaan bangunan baru?**

Tidak perlu. Kos tersebut perlu di rekodkan didalam Penyata Pendapatan sebagai belanja.

- 4) **Soalan: Adakah tanah rizab Kerajaan Persekutuan/Negeri perlu direkodkan dalam template pengumpulan data dan bagaimana treatment untuk tanah jenis ini?**

Tanah Rizab Persekutuan yang berada di negeri hendaklah direkodkan berdasarkan kos perolehan (cost of acquisition). Sekiranya kos perolehan (cost of acquisition) tidak dijumpai, kos nominal sebanyak RM1 akan digunakan bagi tujuan perekodan.

Tanah Rizab Persekutuan yang berada di Wilayah Persekutuan hendaklah direkod berdasarkan deemed cost di mana penilaian dibuat oleh JPPH, jika kos perolehan (cost of acquisition) tidak dijumpai, kos nominal sebanyak RM1 akan digunakan bagi tujuan perekodan.

- 5) **Soalan: Apakah beza antara Bangunan Kerajaan dan Bangunan Kediaman?**

Senarai bagi Bangunan Kerajaan dan Bangunan Kediaman adalah seperti di bawah:

JENIS BANGUNAN	JENIS
Bangunan Kediaman	Rumah Berek Asrama Rumah Rehat Lain-Lain
Bangunan Kerajaan	Bangunan Pejabat Hospital Balai Bomba Balai Polis Kem Tentera Sekolah Dan Institusi Pelajaran Institusi Penyelidikan Gudang Rumah Setor Bangunan Stor Penyejuk Bangunan Kilang Bengkel Bangunan Kuari Stadium Lain-Lain

- 6) **Soalan: Apakah definisi aset infrastruktur dalam perakaunan akruan?**

Sesetengah aset biasanya dinyatakan sebagai aset infrastruktur. Meskipun tidak ada takrif menyeluruh yang diterima untuk aset infrastruktur, namun aset ini biasanya memaparkan beberapa atau semua ciri berikut:

- Sebahagian daripada sistem atau rangkaian;
- Bersifat khusus dan tidak mempunyai kegunaan alternatif;
- Harta tak alih; dan
- Mungkin tertakluk kepada kekangan pelupusan.

Walaupun pemilikan aset infrastruktur tidak terhad kepada entiti dalam sektor awam, namun aset infrastruktur yang signifikan sering terdapat dalam sektor awam. Aset infrastruktur yang memenuhi takrif hartanah, loji dan peralatan hendaklah dilaporkan selaras dengan Piawaian ini. Contoh aset infrastruktur termasuk rangkaian jalan raya, sistem pembetulan, sistem bekalan air dan tenaga, dan rangkaian komunikasi. (MPSAS 17)

- 7) Soalan: Bagaimanakah cara menentukan kos aset alih dalam projek pembayaran aset tak alih?**
Pecahan kos aset alih dan tak alih boleh didapati daripada dokumen kontrak. Sekiranya tiada, tindakan berikut perlu dibuat :
1. Kenalpasti senarai aset alih
 2. Dapatkan nilai pasaran aset alih dan disahkan oleh Jawatankuasa Aset di Kementerian
 3. Pastikan nilai pasaran aset alih dikeluarkan daripada nilai aset tak alih.
- 8) Soalan: Bagaimanakah cara untuk merekod bangunan yang dibina secara bergotong-royong dimana sumber kewangan adalah pelbagai.**
Sekiranya Jabatan/Agensi/PTJ menggunakan bangunan tersebut atau pemilikan dapat ditentukan, maka ianya perlulah direkodkan didalam templat aset tak alih.
- 9) Soalan: Bagaimanakah kos tanah dan bangunan boleh diperolehi sekiranya kos perolehan bagi sesebuah premis merangkumi kedua-dua objek dimana tiada pecahannya?**
Premis tersebut perlulah dihantar kepada JPPH untuk penilaian di mana penilaian terhadap bangunan dan tanah akan dilakukan secara berasingan.
- 10) Soalan: Bagaimanakah tanah bagi bangunan kementerian di Putrajaya direkodkan?**
Tanah bagi bangunan kementerian di Putrajaya direkodkan oleh pihak JPM.
- 11) Soalan: Bagaimanakah untuk merekod aset warisan yang tidak diwartakan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005?**
Hanya aset warisan yang diwartakan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 sahaja diiktiraf sebagai aset warisan dan aset yang tidak diwartakan tidak boleh dikategorikan sebagai aset warisan dan oleh itu harus direkodkan sebagai aset tak alih.
- 12) Soalan: Berapa lamakah tempoh valid bagi maklumat nilai pasaran tanah yang telah dibuat penilaian dengan JPPH bagi tahun-tahun sebelumnya.**
Penilaian yang telah dibuat oleh JPPH bagi tahun-tahun sebelumnya boleh digunakan bagi tujuan pengumpulan baki awal aset sehingga Go Live 2018.
- 13) Soalan: Bolehkah tanah dan bangunan di atas tanah rizab persekutuan di bawah perkara 166(4)/85 dan belum/tidak mempunyai nombor warta diiktiraf sebagai ATA?**
Semua tanah persekutuan termasuk tanah rizab yang telah didaftar bersama JKPTG sebagai tanah persekutuan, bolehlah dipermodalkan.
- 14) Soalan: Dari manakah senarai bangunan yang diklasifikasikan sebagai aset warisan boleh didapati?**
Aset warisan terbahagi kepada aset warisan kebangsaan dan aset warisan. Senarai penuh bangunan-bangunan tersebut boleh didapati di daftar warisan yang dikeluarkan oleh Jabatan Warisan Negara. Sila rujuk ke laman sesawang <https://www.heritage.gov.my/v2/> untuk senarai terperinci aset-aset warisan.
- 15) Soalan: Ketika CPC diserahkan kepada Jabatan/Agensi, akaun muktamad masih belum dikeluarkan. Akaun muktamad hanya akan dikeluarkan setelah projek selesai. Persoalannya ialah nilai yang mana perlu digunakan untuk mengiktiraf nilai ATA ke dalam templat ATA?**
Jika Penyata Akaun Muktamad (PAM) belum dikeluarkan, amaun yang perlu dimasukkan ialah amaun bayaran hingga kini + amaun WJP. Amaun ini hendaklah dikemaskini setiap kali terdapat bayaran interim, sampailah bayaran interim tamat dengan PAM.

- 16) Soalan: Pembinaan bumbung dan tiang tanpa dinding perlu direkodkan sebagai aset tak alih?**
Pembinaan bumbung dan tiang tanpa dinding perlu direkodkan sekiranya:
(a) Kemungkinan masa depan aliran manfaat ekonomi kepada premis, bangunan atau Kementerian (contoh: berkhidmat sebagai tempat perlindungan, acara, perhimpunan & lain-lain) ; dan
(b) Kos bumbung & tiang boleh dinilai"
- 17) Soalan: Perlukah aset tak alih yang didalam proses untuk dirobuhkan perlu direkod? Kelulusan untuk merobuhkan aset tersebut telahpun didapati.**
Tidak perlu. Ini adalah kerana bangunan untuk dirobuhkan tidak mempunyai nilai buku dan ianya telahpun diluluskan untuk dirobuhkan.
- 18) Soalan: Perlukah sesebuah Jabatan/Agensi/PTJ tersebut merekod sesebuah aset jika aset tersebut dibangunkan khas untuk GLC/badan berkanun dimana setelah siap, ianya akan diserahkan kepada GLC/badan berkanun tersebut.**
Kriteria pengiktirafan sesuatu aset adalah seperti berikut :
Terdapat kemungkinan manfaat ekonomi dan potensi perkhidmatan akan mengalir masuk ke dalam entiti; dan
Kos atau nilai saksama boleh diukur dengan pasti.
Bagi kes ini, manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan bagi aset tersebut akan dinikmati oleh pihak ketiga (GLC/Badan Berkanun) dan tidak menepati kriteria pengiktirafan sebagai aset. Sehubungan itu, perbelanjaan yang dibuat bagi aset tersebut hendaklah dibelanjakan terus.
- 19) Soalan: Sekiranya bangunan dibina atas tanah hak milik Kementerian lain, siapakah yang merekodkan tanah tersebut?**
Tanah tersebut akan direkodkan oleh Kementerian yang memiliki tanah tersebut.
- 20) Soalan: Sekiranya sesebuah bangunan Kementerian dibina di atas tanah bukan hak milik Kerajaan Persekutuan, bolehkah sesebuah kementerian/jabatan/agensi memperakakan Tanah tersebut?**
Bangunan Kementerian dibina di atas tanah bukan hak milik Kerajaan Persekutuan boleh direkodkan sekiranya terdapat MoU di antara kedua-dua pihak (Persekutuan dan Negeri/Persendirian) menduduki tanah tersebut.
- 21) Soalan: Sekiranya sesebuah premis mempunyai beberapa fasa dan terdapat fasa yang tidak mempunyai kos bangunan, adakah penilaian akan dilakukan ke atas fasa tersebut, ataupun penilaian dilakukan ke atas keseluruhan premis tersebut?**
Penilaian akan dilakukan ke atas keseluruhan premis (berada dalam satu lot yang sama) walaupun terdapat fasa-fasa yang mempunyai kos sejarah.

SUB KATEGORI: ASET TAK KETARA

- 1) Soalan: Adakah pembaharuan lesen di dalam kontrak penyelenggaraan merupakan perolehan di bawah aset tak ketara atau sebaliknya**
Sekiranya langganan lesen ini hanya bagi meneruskan penggunaan software tersebut, maka ianya adalah belanja dan Kod Akaun B0339102 dilihat bersesuaian.
- 2) Soalan: Adakah perolehannya perlu dibezakan mengikut belanja dipermodalkan atau belanja biasa (jika dalam kontrak menyebut nilai pembaharuan lesen kurang daripada RM2,000.00 seunit)**
Sekiranya ia merupakan 1st time payment semasa perolehan lesen software tersebut, maka ianya perlu dipermodalkan ke Kod Akaun A2339102 ASET TAK KETARA USIA GUNA DAPAT DITENTUKAN – PEROLEHAN DENGAN PERTUKARAN- PERISIAN KOMPUTER. Belanja tahun-tahun berikutnya tidak perlu dipermodalkan.

SUB KATEGORI: AUC

- 1) **Soalan: Adakah "Assets Under Construction (AUC)" hanya melibatkan projek-projek yang bersifat fizikal?**

Tidak, AUC merangkumi projek pembangunan projek bersifat fizikal dan juga bukan fizikal.

- 2) **Soalan: Adakah bayaran dibuat kepada kontraktor baharu boleh dipermodalkan sebagai kos AUC secara keseluruhan atau sebahagian memandang kerja tersebut mempunyai dua elemen iaitu kerja pembaikan dan kerja menyiapkan pembinaan bangunan tersebut?**

Bayaran yang dibuat kepada kontraktor baharu boleh dipermodalkan sebagai kos AUC secara keseluruhan. Kerja pembaikan tersebut boleh dipermodalkan kerana kerja pembaikan tersebut diperlukan bagi menyiapkan bangunan tersebut.

- 3) **Soalan: Adakah kerja-kerja hiasan dalaman bagi bangunan sedia ada yang melibatkan amaun yang besar juga dikira sebagai aset/dikategori sebagai AUC sekiranya masih dalam kerja-kerja dijalankan?**

Kerja-kerja hiasan dalaman perlu dipermodalkan sekiranya mempunyai manfaat ekonomi masa hadapan dan nilai boleh ditentukan.

- 4) **Soalan: Apakah kod CAA yang sepatutnya digunapakai untuk memperakaunkan penyelenggaraan perkakasan/perisian dan pembaharuan lesen yang berada di dalam kontrak yang sama.**

Sekiranya langganan lesen ini hanya bagi meneruskan penggunaan software tersebut, maka ianya adalah belanja dan Kod Akaun B0339102 dilihat bersesuaian.

- 5) **Soalan: Nilai Kerja Kini RM20 Juta, progres pembayaran RM11 Juta dan tergendala dari tahun 2011. Berapakah nilai impairment? Jika kerajaan tidak meneruskan projek itu, bagaimana keadaannya? Sekiranya masih tidak isytihar projek sakit, bagaimana situasinya?**

Sesuatu aset perlu dinilai bagi penjejasan sekiranya terdapat petanda-petanda dalaman atau luaran penjejasan seperti yang dinyatakan dalam MPSAS 21 dan MPSAS 26. Sekiranya petanda tersebut wujud, maka pengiraan penjejasan boleh dilakukan bagi menentukan kewujudan kerugian penjejasan menggunakan kaedah pengiraan seperti yang dinyatakan oleh MPSAS. Berikut merupakan kemungkinan yang akan berlaku daripada aktiviti ini:-

(i) Tiada petanda penjejasan – Tidak perlu membuat pengiraan penjejasan

(ii) Wujud tanda penjejasan – Membuat pengiraan penjejasan dengan membandingkan amaun bawaan aset dengan amaun boleh pulih. Sekiranya amaun boleh pulih lebih rendah, maka wujud penjejasan dan nilai bawaan aset perlu dikurangkan kepada amaun boleh pulih tersebut. Sebaliknya jika amaun bawaan lebih rendah, tiada penjejasan dan aset akan terus kekal dengan amaun bawanya.

Sekiranya kerajaan tidak lagi berhasrat untuk meneruskan projek berkenaan, maka aset tersebut telah tidak lagi boleh diiktiraf sebagai aset kerana tiada lagi manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan masa hadapan. Layanan perakaunan yang perlu dibuat adalah keseluruhan nilai aset tersebut hendaklah diiktiraf sebagai belanja dalam tahun keputusan itu dibuat.

Sekiranya tiada sebarang keputusan berkenaan projek tersebut, ia akan terus kekal sebagai aset dan penilaian berterusan terhadap penjejasan perlu dibuat setiap tahun bagi melaraskan nilai bawaan aset tersebut.

Panduan lengkap mengenai perkara ini boleh merujuk kepada Manual Operasi Perakaunan Akruan (SOP Day-2) – AK 3.0, Merekod Penjejasan Aset.

- 6) **Soalan: Sekiranya terdapat ubahsuai yang dilakukan di luar sesebuah bangunan, bolehkah ianya direkodkan?**

Ya, ianya hendaklah direkodkan sekiranya ubahsuai tersebut mengubah struktur bangunan dan menambahkan manfaat ekonomi yang diterima oleh pemilik.

SUB KATEGORI: DAFTAR

- 1) **Soalan: Adakah maklumat data induk aset yang telah diwujudkan bermaksud aset tersebut telah didaftarkan dan maklumat tersebut akan terus disalurkan kepada sistem SPA, mySPATA, SKALA & SPLN?**

Tidak. Kerana semasa mewujudkan data induk, tiada sebarang transaksi perakaunan yang wujud. Transaksi perakaunan akan diwujudkan setelah ianya dipost iaitu semasa proses perakuan 2 di GRN. Setelah itu barulah maklumat akan dihantar kepada SPA/mySPATA bagi tujuan pendaftaran harta modal.

Pendaftaran aset dibuat di dalam Sistem SPA dan mySPATA. Justeru itu, maklumat Data Induk Aset HANYA akan dihantar kepada Sistem SPA dan mySPATA SETELAH:

- (i) satu-satu transaksi perakaunan bagi aset tersebut selesai dibuat, contohnya transaksi perolehan; dan
- (ii) perubahan maklumat Data Induk Aset yang telah mempunyai transaksi perakaunan selesai dibuat.

Pendaftaran aset tidak dibuat di dalam Sistem SKALA. Walau bagaimanapun, sistem 1GFMAS akan menghantar maklumat ID Aset Dalam Pembinaan kepada Sistem SKALA melalui integrasi antara sistem bagi membolehkan perolehan Aset Dalam Pembinaan dibuat melalui Sistem SKALA.

Data Induk Aset tidak akan dihantar kepada Sistem SPLN kerana pendaftaran tidak dibuat di dalam Sistem SPLN.

- 2) **Soalan: Apakah kesan sekiranya kod item yang di key in dalam data induk tidak sama dengan kod item yang dipilih dalam modul MM?**

Input Kod Item hanya dibuat sekali sahaja. Sekiranya perolehan aset dibuat melalui Modul MM, Kod Item telah dikunci masuk semasa perolehan dibuat di Modul MM.

- 3) **Soalan: Bagaimana hendak mewujudkan data induk aset dan dimanakah letaknya proses pendaftaran aset?**

Proses pendaftaran harta modal akan berlaku di SPA atau mySPATA. Sistem 1GFMAS hanya memberikan maklumat berkaitan aset berkenaan dan akan berintegrasi dengan SPA/mySPATA untuk didaftarkan. Pengguna perlu mewujudkan Data Induk Aset terlebih dahulu di dalam sistem 1GFMAS, di tab Data Induk > Aset > Pewujudan Data Induk Aset sebelum melakukan transaksi perakaunan, contohnya perolehan aset melalui hadiah/ sumbangan.

Setelah transaksi perolehan tersebut selesai diperakumkan, maklumat aset berserta maklumat transaksi akan dihantar kepada Sistem Pengurusan Aset (SPA) dan Sistem Pengurusan Aset Tak Alih (mySPATA) bagi tujuan mewujudkan daftar aset di sistem-sistem berkenaan.

Bagi perolehan aset yang dibuat melalui Modul Material Management (MM) dan ePerolehan, proses mewujudkan Data Induk Aset dibuat secara automatik di dalam Modul Asset Accounting (AA) di 1GFMAS. Pengguna tidak perlu mewujudkan Data Induk Aset di tab Data Induk > Aset > Pewujudan Data Induk Aset.

- 4) **Soalan: Bagaimana perolehan aset melalui hadiah/sumbangan peralatan dan kelengkapan perang, (contoh kereta kebal yang dihadiahkan oleh kerajaan lain kepada kerajaan Malaysia) direkodkan? Sedangkan aset-aset ketenteraan tidak didedahkan di dalam penyata kewangan.**

Aset pertahanan yang diperolehi melalui Hadiah/Sumbangan perlu diakaunkan di dalam 1GFMAS. Walau bagaimanapun, proses memperakumkan aset tersebut perlu dibuat terlebih dahulu di dalam sistem yang dibangunkan oleh Kementerian Pertahanan. Seterusnya, transaksi perolehan tersebut akan dihantar kepada 1GFMAS di peringkat Lejar Am melalui integrasi antara sistem.

SUB KATEGORI: UMUM

- 1) **Soalan: Adakah aset-aset yang tidak mempunyai nilai buku pada 1 Januari 2018 akan direkodkan bagi tujuan pengumpulan data?**

Aset alih yang telah disusutnilai sepenuhnya tetapi masih digunakan tidak perlu diambil kira sebagai data baki awal 1 Januari 2018. Manakala bagi aset tak alih yang telah disusutnilai sepenuhnya tetapi masih digunakan, usia guna perlu dinilai semula dan boleh dibawa sebagai data baki awal.

- 2) **Soalan: Apakah 'threshold' yang ditetapkan bagi memastikan aset tersebut harus dipermodalkan?**

Aset yang mempunyai kos perolehan bernilai RM 2,000 dan ke atas perlu dipermodalkan. Ini berdasarkan polisi yang telah ditetapkan oleh JANM.

- 3) **Soalan: Apakah perbezaan pindahan aset antara kelas aset, pindahan aset antara PTJ dan pelarasan transaksi aset?**

Pengelasan Aset:

Mengelaskan semula sesuatu aset daripada satu kelas aset kepada kelas aset yang lain. Transaksi ini hanya boleh dibuat di dalam satu-satu PTJ.

Contoh:

PTJ A mengelaskan semula Aset 100000000001 0 (di bawah kelas aset A1434499) kepada Aset 100000000002 0 (di bawah kelas aset A1434403)

Pindahan Aset Antara PTJ:

Memindahkan sesuatu aset daripada 1 PTJ kepada PTJ yang lain sama ada di bawah Pegawai Pengawal yang sama atau berbeza.

Pelarasan Transaksi Aset:

Melaraskan transaksi aset yang telah dibuat. Contohnya, melaraskan perbelanjaan yang boleh dipermodalkan mengikut prinsip perakaunan akruan. Transaksi ini hanya boleh dibuat di dalam satu-satu PTJ sahaja.

Contohnya:

PTJ A mempermodalkan perbelanjaan pengangkutan sesuatu aset.